

15 MAY 2003

Mahathir-Sabah (Bergambar)/I
DR MAHATHIR TIBA DI SABAH

KOTA KINABALU, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini untuk lawatan dua hari ke Sabah.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini pada pukul 7.50 malam.

Ketibaan Dr Mahathir di Terminal Dua lapangan terbang itu disambut oleh Ketua Menteri Datuk Musa Aman yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Ketua Badan Perhubungan Umno negeri.

Anggota-anggota Kabinet kerajaan negeri serta pemimpin parti-parti komponen BN turut hadir.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan bersama Umno negeri, diikuti mesyuarat dengan para pemimpin Umno negeri.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN akan merasmikan kongres kelapan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) di Keningau, kira-kira 140km dari sini esok.

Perdana Menteri akan diberi sambutan tradisional warisan budaya penduduk kawasan pedalaman setibanya di Dewan Masyarakat Keningau, tempat berlangsungnya kongres berkenaan.

PBRS, sebuah parti komponen BN, diketuai Menteri Belia dan Sukan negeri Tan Sri Joseph Kurup.

Pada sebelah tengah hari Dr Mahathir akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Bandaraya di Likas.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kemudiannya dijadual melakukan upacara pecah tanah projek bangunan Umno setinggi 14 tingkat bersebelahan Bank Simpanan Nasional di Karamunsing, di sini.

Sabah bakal mengadakan pilihan raya negeri dalam tempoh kurang setahun. Perdana Menteri akan berlepas pulang ke ibu negara selepas majlis itu.

-- BERNAMA

JS MK LAT MOZ